

11 NOV 1999

GERAKAN BINCANG PERSEDIAAN PARTI SABTU INI

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Jawatankuasa Pusat Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) akan bermesyuarat Sabtu ini, dengan agenda utama mesyuarat itu dijangka mengenai senarai calon yang akan bertanding pada pilihan raya umum kali ini.

Setiausaha Publisiti Gerakan Rene Leow berkata mesyuarat pukul 2 petang itu akan membincangkan hal-hal penting mengenai persediaan Gerakan menghadapi pilihan raya umum itu.

Mesyuarat itu akan dipengerusikan oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, katanya ketika ditemui Bernama di ibu pejabat parti, hari ini.

Menurutnya selepas mesyuarat itu, Lim akan mengadakan persidangan media.

Gerakan dijangka menyenaraikan ramai muka baru pada pilihan raya ke-10 itu.

Pada pilihan raya umum 1995, Gerakan diperuntukkan 10 kerusi Parlimen dan 27 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di Semenanjung dibubarkan hari ini bagi membolehkan pilihan raya umum ke-10 diadakan dan pengumuman mengenainya dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

--BERNAMA

APG NAK